

09 JAN 2002

DR MAHATHIR HADIRI MAJLIS PERSANDINGAN ANAK BEKAS MB S'GOR

SUBANG JAYA, 9 JAN (Bernama) -- Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menghadiri majlis persandingan anak perempuan bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib.

Noor Fansurina, 22, melangsungkan perkahwinan dengan seorang ahli perniagaan Ahmad Affandi Hamzah, 26.

Turut hadir pada majlis yang diadakan di sebuah hotel di sini ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan beberapa menteri kabinet.

Sultan Sharafuddin Idris Shah, Dr Mahathir serta orang kenamaan lain turut menepung tawar kedua mempelai sebelum menyaksikan majlis memotong kek setinggi lapan tingkat.

Menurut Muhammad yang juga merupakan naib presiden Umno, anak sulungnya itu akan melanjutkan pelajaran ke United Kingdom dalam jurusan undang-undang.

-- BERNAMA

MAM LIB RHM